




# SIARAN AKHBAR


KEMENTERIAN KESIHATAN

## KENYATAAN MEDIA COVID-19 NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 14 Rabiulawal 1444 / 10 Oktober 2022

I. Dalam masa satu minggu kebelakangan ini, jumlah kes COVID-19 yang dilaporkan di Negara Brunei Darussalam menunjukkan sedikit peningkatan di mana kadar purata harian kes pada minggu lepas ialah 307 kes sehari, berbanding dengan 268 kes sehari pada minggu sebelumnya. Sebanyak 38,978 keputusan ujian ART telah dimuatnaik ke aplikasi *BruHealth* dalam masa satu minggu di mana 5.5% daripadanya adalah keputusan ujian ART yang positif.



Jumlah kes COVID-19 yang telah dilaporkan di Negara Brunei Darussalam sejak Februari 2022




Jumlah kes COVID-19 satu minggu kebelakangan berbanding dengan minggu sebelumnya

- i) Pada hari ini, **tidak ada kes** di dalam Kategori 5 yakni memerlukan rawatan di Unit Rawatan Intensif (ICU) manakala **satu kes** berada di dalam Kategori 4 iaitu memerlukan bantuan oksigen dan di bawah pemantauan rapi.
- ii) Sehingga kelmarin, 09 Oktober 2022, kadar liputan vaksinasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam kekal berada di tahap yang tinggi dengan **78.5%** daripada keseluruhan rakyat dan penduduk negara ini telah mendapatkan dos ketiga vaksin dan **10.6%** juga telah mendapatkan dos keempat.
- iii) Dalam masa 24 jam yang lalu, 1 kes COVID-19 telah meninggal dunia di mana kes tersebut tidak dikategorikan sebagai kematian disebabkan COVID-19. Di kesempatan ini, saya mewakili warga Kementerian Kesihatan dan keseluruhan rakyat Negara Brunei


Darussalam mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham. Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama-sama para solehin. Al Fatihah. (*Bacaan Surah Al-Fatihah*).

2. Pada hari ini, sebanyak **355 kes baru** telah dilaporkan di mana kesemuanya adalah hasil ujian ART.
3. Sementara itu, Kementerian Kesihatan juga ingin mengingatkan orang ramai bahawa memandangkan tren kes *influenza-like illness (ILI)* di negara ini masih berada di tahap yang tinggi sejak beberapa minggu yang lalu, orang ramai adalah diingatkan untuk terus mengamalkan langkah-langkah pencegahan dan pengawalan bagi jangkitan respiratori, khususnya bagi sesiapa yang menunjukkan tanda-tanda jangkitan. Langkah-langkah tersebut termasuk mengasingkan diri dari orang lain di sepanjang tempoh mengalami simptom, memakai sungkup muka dan kerap mencuci tangan dengan air dan sabun atau menggunakan cecair pembasmi kuman, iaitu langkah-langkah yang serupa bagi mengawal jangkitan COVID-19. Orang ramai, khususnya kanak-kanak berumur di bawah 5 tahun, mereka yang berumur 60 tahun ke atas dan mereka yang menghidap penyakit kronik seperti penyakit kardiovaskular, kencing manis dan sebagainya, adalah juga dinasihatkan untuk mendapatkan vaksinasi *influenza* sekali pada setiap tahun. Kerjasama orang ramai adalah juga terus diharapkan untuk memuatnaikkan keputusan ART masing- masing, samada positif atau negatif ke aplikasi *BruHealth*.



Tren ILI dari minggu 1 hingga minggu 40

4. Sementara itu, pemantauan epidemiologi di Negara Brunei Darussalam menunjukkan tren bagi cirit-birit (*gastroenteritis*) telah mula menunjukkan pengurangan. Dalam hal ini, orang ramai adalah diingatkan untuk sentiasa berhati-hati dan berwaspada terutamanya memastikan makanan dan minuman yang diambil dimasak dengan sempurna dan adalah bersih serta selamat untuk dimakan. Sesiapa yang mengalami cirit-birit, mual dan muntah-muntah yang berterusan adalah dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan perubatan dengan segera.



Tren Gastroenteritis dari minggu 1 hingga minggu 39

5. Bersempena Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diraikan pada 10 Oktober setiap tahun, Kementerian Kesihatan ingin menarik perhatian orang ramai mengenai kepentingan penjagaan kesihatan mental dan kesejahteraan diri. Kesihatan mental adalah merupakan salah satu keutamaan komuniti kesihatan global, sesuai dengan tema sambutan pada tahun ini, **Jadikan Kesihatan dan Kesejahteraan Mental untuk Semua satu Keutamaan Global (*Make Mental Health and Well-Being for All a Global Priority*)**. Marilah kita bersama-sama menggandakan usaha untuk mengutamakan sekaligus meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan mental dengan melakukan aktiviti-aktiviti riadah dan kerohanian, serta saling memberikan sokongan kepada mereka yang mengalami kesihatan mental.
  
6. Semoga Negara Brunei Darussalam berserta seluruh rakyat dan penduduknya sentiasa terpelihara dari segala bencana dan wabak

penyakit serta berada di dalam perlindungan Allah Subhanahu Wa Ta'ala  
jua. Aamiin Aamin Ya Rabbalamin.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 14 Rabiulawal 1444H / 10 Oktober 2022